

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PERCUBAAN SPM 2012  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

**Markah penuh : 110 markah****Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**  
 b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

**Nota :** Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| <b>Bahagian</b>           | <b>Markah</b> |    |    |   |   |   |    |    |    |  | <b>Markah</b> |
|---------------------------|---------------|----|----|---|---|---|----|----|----|--|---------------|
| (i) Pendahuluan           |               |    |    |   |   |   |    |    |    |  | <b>2</b>      |
| (ii) Isi Tersurat         | 4             | 5  | 6  | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 |  | <b>16</b>     |
| (iii) Isi Tersirat        | 12            | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6  | 5  | 4  |  |               |
| (iv) Penutup / Kesimpulan |               |    |    |   |   |   |    |    |    |  | <b>2</b>      |
| <b>Jumlah Markah</b>      |               |    |    |   |   |   |    |    |    |  | <b>20</b>     |

## Soalan 1 : Rumusan

### Pendahuluan

Petikan membincangkan kebaikan / manfaat pendidikan kepenggunaan dalam kalangan masyarakat / dalam kehidupan seharian / dalam perbelanjaan. 2

Petikan membincangkan kebaikan / manfaat pendidikan kepenggunaan. 1

### Isi tersurat

*kepentingan pendidikan kepenggunaan*

1. Pengguna memperoleh maklumat tentang barangan dan perkhidmatan 2
2. Membolehkan pengguna mengambil keputusan yang bijak dalam perbelanjaan 2
3. Membantu pengguna membezakan antara keperluan dengan kehendak 2
4. Membolehkan pengguna berkongsi maklumat dengan individu yang lain 2
5. Membantu pengguna membeli barangan yang selamat dan berkualiti 2
6. Membolehkan pekerja menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang bermutu 2
7. Membantu pengguna menyelesaikan masalah berkaitan tentang isu kepenggunaan 2
8. Dapat meneliti sesuatu barangan itu secara kritikal dan analitikal 2
9. Berupaya membangunkan kemahiran kepenggunaan individu 2

### Isi tersirat

*cara-cara melahirkan masyarakat berbelanja secara berhemat*

1. Kerajaan / media massa menganjurkan kempen berjimat cermat 2
2. Kerajaan / agensi tertentu menganjurkan kursus kepenggunaan 2
3. Media massa menerbitkan rencana / artikel perbelanjaan berhemat 2
4. Menggalakkan masyarakat membuat perbandingan harga 2
5. Memberi insentif / baucar kepada pembelian barangan 2
6. Mengurangkan had penggunaan kad kredit / tidak digalakkan menggunakan kad kredit 2
7. Memberi subsidi kepada barangan tertentu 2
8. Memperbanyak premis kedai harga patut / kedai 1Malaysia 2
9. Mengadakan promosi jualan murah / potongan harga (diskaun) 2

### Kesimpulan

Kesimpulannya, kita perlulah menjadi pengguna yang bijak agar perbelanjaan seharian lebih terurus. 2

Kesimpulannya, kita perlulah menjadi pengguna yang bijak ketika berbelanja. 1

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

| <b>Peringkat</b> | <b>Markah Isi</b>  | <b>Markah Bahasa</b> | <b>Huraian</b>   |
|------------------|--------------------|----------------------|--|
| Baik             | 18 - 20<br>15 - 17 | 9 - 10<br>7 - 9      | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>                                      |
| Sederhana        | 12 - 14<br>8 - 11  | 6 - 7<br>4 - 6       | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul> |
| Lemah            | 1 - 7              | 1 - 4                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.</li> </ul>  |

**Nota :**

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

**Soalan 2 : Pemahaman**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

*Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)*

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI  | MARKAH   |
|--|----------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis | <b>2</b> |
| - Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup                       | <b>1</b> |
| - Jawapan tidak tepat/ salah                                 | <b>0</b> |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI   | MARKAH   |
|---|----------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis    | <b>3</b> |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis       | <b>2</b> |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis             |          |
| - Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis                     | <b>1</b> |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis | <b>0</b> |

3. Soalan 4 markah

| DESKRIPSI   | MARKAH   |
|---|----------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis    | <b>4</b> |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis       | <b>3</b> |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis       | <b>2</b> |
| - Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis      | <b>1</b> |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis | <b>0</b> |

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

1. maksud rangkai kata *kompleks dan membingungkan*

- rumit / sulit dan mengelirukan / mencelarukan / meragukan 2
- rumit dan membingungkan 1
- kompleks dan mengelirukan 1

**[Maksimum : 2 markah]**

2. ciri pendidikan kepenggunaan

- mestilah sesuatu yang boleh diamalkan
- memberikan motivasi kepada pengguna
- bersifat sebagai pemangkin untuk tindakan
- membuka mata pengguna
- membantu dalam mengaktifkan pergerakan persatuan pengguna

**[ 2 isi cukup ]**

**[Maksimum : 3 markah]**

3. punca pengguna berbelanja di luar kemampuan

- bersaing / terpengaruh dengan rakan / jiran
- tidak merancang pembelian / membeli sesuatu barangan tidak mengikut keperluan / kehendak
- ingin menunjuk-nunjuk / ingin nampak hebat / penggunaan barangan mahal
- terpengaruh dengan iklan / promosi / mengikut imej dalam iklan
- terikut-ikut dengan perkembangan semasa / mengikut trend terkini

**[ 3 isi cukup ]**

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

(i) hero tidak suka dirinya dipuji kerana :

- Menganggap pujian itu merupakan racun yang paling berbisa
- Pujian yang diterima daripada saudara (penjaga panggung) sama sahaja dengan pujian yang diterimanya daripada penonton
- Setiap kali menerima pujian, setiap kali itulah dia harus bersiap sedia untuk berperang / dia patut melembutkan sukmanya untuk meleburkan perasaan lupa diri

[ 2 isi cukup ]  
[Maksimum : 2 markah]

(ii). reaksi yang sewajarnya apabila menerima pujian;

- mengucapkan ribuan terima kasih atas pujiannya
- mendoakan kesejahteraan
- memotivasikan orang yang memberikan pujian
- mengucapkan syukur atas kelebihan diri
- menjauhkan sikap bangga diri

[ 2 isi cukup ]  
[Maksimum : 3 markah]

[iii] Nilai murni:

dalam petikan:

- **nilai merendah diri.** Contohnya, si hero tidak suka dirinya dipuji oleh si penjaga panggung.
- **nilai keikhlasan.** Contohnya, si penjaga panggung menyatakan keikhlasannya memuji si hero dan tidak sengaja mereka-reka pujian tersebut.

[ 1 isi cukup ]  
[1+1]

keseluruhan cerpen:

- **nilai kasih sayang.** Contohnya, walaupun sedang bekerja, penjaga panggung tetap mengingati isteri dan sepuluh orang anaknya di rumah.
- **nilai bertanggungjawab.** Contohnya, si penjaga panggung menjalankan tugasnya menyusun semua kerusi selepas berakhirnya pementasan bangsawan dengan amanah.
- **nilai nasihat-menasihati.** Contohnya, si hero menasihati penjaga panggung agar berpijak di bumi nyata dan memuji diri sendiri
- **nilai keinsafan.** Contohnya, penjaga panggung insaf dan sedar bahawa dia tidak akan berangan-angan lagi dan ingin menjadi dirinya sendiri.

[ 1 isi cukup ]  
[1+1]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

(i) Maksud:

- Menetap / duduk / bermastautin / diam / bermukim di sana / di tempat tersebut. [2 markah]
- menetap / duduk / bermastautin/ diam di situ. [1 markah]
- tinggallah di tempat tersebut / di sana [1 markah]
- berada di situ / di sana [0 markah]

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) faktor-faktornya :

- orang yang kalah menyabung ayam akan dibayar taruhannya oleh Merah Silu
- orang yang kembali dari bermain sabung ayam akan diberikan seorang seekor kerbau oleh Merah Silu.
- orang yang datang melihat pertandingan sabung ayam juga diberi seekor kerbau oleh Merah Silu.

**[ 2 isi cukup ]**

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) cara saya membelanjakan kekayaan untuk kebajikan ialah :

- bersedekah kepada fakir miskin.
- membelanjakan harta untuk kerja-kerja amal/ rumah anak yatim/ rumah orang tua
- memberi pinjaman / bantuan modal kepada individu yang mahu memulakan perniagaan
- membantu golongan OKU
- memberi biasiswa kepada pelajar miskin melanjutkan pelajaran.
- membiayai seseorang yang ingin menunaikan fardu haji

**[ 2 isi cukup ]**

**[Maksimum : 3 markah]**

**Soalan 2(d) - Petikan Sajak**

(i) Suasana pada waktu pagi dalam rangkap kedua;

- pagi semakin jernih / cerah
- burung-burung berterbangan di udara
- pokok-pokok kelihatan menghijau dan merendang daunnya

[ 2 isi cukup ]  
[Maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha untuk menyedarkan generasi muda;

- kerajaan melaksanakan kempen / ceramah kesedaran
- kerajaan / NGO mengadakan kem motivasi (PLKN)
- ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni / ajaran agama
- televisyen / media massa memaparkan filem / dokumentari yang boleh membangkitkan semangat.
- Ibu bapa memerhati / memantau / mengawasi anak-anak yang lalai

[ 2 isi cukup ]  
[Maksimum : 3 markah]

(iii) Pengajaran:

Rangkap ketiga:

- Kita perlulah meneroka kekayaan tanah air/ sebelum dirampas oleh orang lain. Contohnya, negara ini kaya dengan pelbagai sumber, dan anak muda perlulah merebut peluang yang sedia ada agar tidak menyesal [1+1]

Rangkap keempat:

- Kita hendaklah berusaha dari sekarang supaya tidak menyesal pada kemudian hari. Contohnya : penyair mengingatkan kesan yang akan terjadi kepada generasi muda pada masa akan datang sekiranya lalai [1+1]

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
**Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:**

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Ayat kedua yang dibina sama seperti ayat pertama, berikan 0 markah pada ayat itu
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah

**Skema Soalan 3**

(a) *Tulis dua ayat bagi tiap-tiap perkataan*

- i. Haus : **1.** berasa kering tekak (ingin minum), dahaga  
 Contohnya : Dia meminta air sebab tersangat *haus*  
**II** berkurangan besarnya atau tebalnya kerana tergosok (banyak dipakai)  
 Contohnya: Batu itu telah *haus* dimakan air.
- ii. Gamat: **I** bising, riuh-rendah: Dewan Rakyat *gamat* dengan gelak ketawa hari ini apabila salah seorang menteri membuat jenaka.  
**2.** sejenis binatang laut seperti teripang tetapi lebih pendek dan lebih kurus (biasanya hidup di celah-celah atau di bawah batu, dan digunakan untuk mengubati penyakit luka akibat jatuh, bersalin,  
*Cth.* Air *gamat* digunakan oleh ibu yang baharu bersalin untuk memulihkan kesihatan.
- iii. Sidang: **1.** seluruh ahli (majlis, badan, dewan mesyuarat), sekalian anggota: *Cth*  
*Sidang* majlis sedang bermesyuarat tentang projek Lebuhraya Timur Barat.  
**2.** sekalian, para, segala. *Cth.* Taklimat Pilihan raya akan datang dihadiri oleh *sidang* pendengar daripada semua ahli politik.  
**3.** ketua kampung. Masalah kemiskinan di kampung itu telah dapat diatasi oleh *sidang* yang berwibawa.  
**4.** berhenti (hujan), reda. *Cth.* Mereka bermain semula setelah hujan *sidang* pada petang itu.

[ **Maksimum : 6 markah** ]

(b) *Tukar cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.*

1. Ibu ingin tahu, sama ada Min ingin / hendak ke sekolah semula.
2. Amin mengeyakan dan menyatakan bahawa pada petang itu dia ada aktiviti Persatuan Bomba.
3. Ibu meminta pertolongan Amin sebelum Amin pergi ke sekolah.
4. Amin ingin tahu bentuk pertolongan yang boleh diberikannya.
5. Ibu meminta Amin mengespos surat berdaftar itu.
6. Amin bersetuju dan menyatakan bahawa dia akan mengespos surat itu kelak.

[Maksimum : 6 markah]

(c) *satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan.*

- i. diperingkat – di peringkat  
menjalankan - menjalani
- ii. rugbi - ragbi  
rangkul – merangkul
- iii. juru latih - jurulatih  
membanggakan - dibanggakan

[Maksimum : 6 markah]

(d) *kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa*

- i. mereka miliki – dimiliki oleh mereka  
golongan - kalangan
- ii. merintis – melayari  
merapatkan semula hubungan persahabatan – merapatkan hubungan persahabatan semula
- iii. di dalam – dalam  
mengawal – menjaga / memelihara / mengekalkan

[Maksimum : 6 markah]

(e) *peribahasa*

- i. *belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam.*
- ii. *benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau / minyak setitik, di laut sekalipun timbul / benih yang baik tidak memilih tanah*
- iii. *rumah siap / sudah, pahat / tukul berbunyi.*

[Maksimum : 6 markah]

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
  - iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan cabaran yang lengkap / jelas
  - iv) Beri 1 markah bagi contoh peristiwa yang lengkap / jelas
  - v) Markah isi maksimum 4 markah
  - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
  - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
    - Baik : 3 markah
    - Sederhana : 2 markah
    - Lemah : 1 markah
  - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
  - ix) Calon tidak menjawab 0 markah
- [ Maksimum : 7 markah ]**
- (b)
- i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
  - iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap
  - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian / contoh yang lengkap / jelas
  - v) Beri 1 markah untuk huraian / contoh yang kurang lengkap
  - vi) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
  - vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
  - viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
    - Baik : 2 markah
    - Sederhana : 1 markah
  - ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri 1 markah untuk bahasa
  - x) Jika calon tidak menjawab 0 markah
- [ Maksimum : 8 markah ]**

**(4a) Cabaran Watak Utama**  
**Novel Azfa Hanani**

- i) **Cabaran untuk meneruskan hidup sebagai anak yatim piatu.**
  - Azfa Hanani hidup dalam kemiskinan bersama-sama dengan pak long dan mak long setelah kematian kedua-dua ibu dan bapanya kerana pak long dan mak long hanya bekerja sebagai penoreh getah dan mempunyai anak yang agak ramai.
- ii) **Cabaran untuk meneruskan persekolahan dalam aliran sains tulen.**
  - Azfa Hanani tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama selepas tamat tingkatan tiga. Oleh sebab ingin belajar dalam aliran sains tulen, dia terpaksa berulang-alik ke sekolah setiap hari sejauh 30km dengan menaiki bas.
- iii) **Cabaran untuk mengulang kaji pelajaran**
  - Azfa Hanani tidak dapat membeli buku rujukan untuk mengulang kaji pelajaran kerana kesempitan wang. Dia membawa buku rujukan keluar tanpa izin dari pusat sumber sekolah dan berjanji akan memulangkannya semula.
- iv) **Cabaran untuk menjayakan penyamaran**
  - Azfa Hanani menghadapi masalah untuk menyamar sebagai Tengku Murni yang manja dan pandai bertutur bahasa Inggeris. Dia menjalani latihan dengan kak Finaz dan belajar bahasa Inggeris di Institut Lingua Franca.
- v) **Cabaran berpisah dengan ahli keluarga**
  - Azfa Hanani sering merindui sepupu-sepupunya setelah menyamar sebagai Tengku Murni dan tinggal di rumah Tengku Makmur. Dia sering berutus surat dengan pak long dan mak longnya di kampung.
- vi) **Cabaran menghadapi kerenah rakan-rakan**
  - Azfa Hanani sering disindir oleh Fuzi, Syafikah dan Laili. Mereka juga mempelawanya menjadi juruacara Malam Bakat Sumbangsih. Azfa Hanani bertegas menolak pelawaan tersebut.
- vii) **Cabaran menyesuaikan diri dengan golongan kaya / bangsawan / elit**
  - Azfa Hanani sering disindir dan dicemuh oleh Tengku Makmur dan Tengku Muzaffar pada peringkat awal kedatangannya di banglo Tengku Makmur semasa menyamar sebagai Tengku Murni.
- viii) **Cabaran mempertahankan maruah diri**
  - Azfa Hanani diganggu oleh Iskandar yang ingin menghantarnya pulang ke rumah dengan menaiki motosikal. Azfa Hanani menolak pelawaan tersebut kerana dia tidak mengenali Iskandar.

## Novel Kembara Amira

- i) **Cabaran ketika berusaha untuk mendapatkan maklumat daripada seseorang.**
  - Amira telah terjatuh ke dalam sungai ketika sedang menanti Malique untuk memperoleh maklumat di Air Terjun Angin. Dia telah diselamatkan oleh Itai dan Tau.
- ii) **Cabaran mendapatkan emas untuk sahabat baik.**
  - Amira dan Itai bertemu dengan makhluk berbulu ketika dalam perjalanan pulang setelah mengambil emas untuk dihadiahkan kepada Jacinta. Amira pengsan apabila disergah oleh makhluk tersebut.
- iii) **Cabaran mencari rakan yang hilang**
  - Amira bersama-sama dengan Itai dan Jacinta serta dibantu oleh Pak Lias menghadapi cabaran untuk mencari Malique yang hilang kerana tidak mengetahui lokasi Malique berada.
- iv) **Cabaran menghadapi sikap ibu.**
  - Amira terpaksa menghadapi kemarahan ibunya kerana menyebabkan Jacinta sesat di hutan. Dia juga tidak memaklumkan tindakannya yang menunggu Malique kepada ibunya.
- v) **Cabaran menghadapi situasi yang mencemaskan.**
  - Amira berasa cemas dan bersalah kerana tindakannya yang telah menyebabkan Jacinta sesat di dalam hutan
- iv) **Cabaran ketika menyelamatkan rakan / seseorang.**
  - Pak Lias terpaksa bertarung dengan makhluk berbulu semata-mata untuk membawa Malique keluar dari pondok kecil di puncak Gunung Gua Gajah.

**(4b) Pengajaran  
Novel Azfa Hanani**

- i) **Kita hendaklah sanggup berkorban demi kebahagiaan orang lain.**
  - Azfa Hanani sanggup menerima pelawaan Abang Mazran dan Kak Finaz untuk menyamar sebagai Tengku Murni demi menghilangkan kesedihan Datin Maziah yang kehilangan anak perempuan akibat kemalangan.
  - Dia juga sanggup berbuat demikian demi meringankan beban kemiskinan keluarga pak long dan mak long.
- ii) **Kita hendaklah gigih berusaha demi mencapai kejayaan dalam pelajaran.**
  - Azfa Hanani sanggup berulang-alik sejauh 30 kilometer dengan menaiki bas setiap hari untuk menyambung pelajaran di tingkatan empat dalam jurusan sains tulen di SM Sri Dian.
- iii) **Kita tidak sepatutnya bersikap sombong dan menghina orang lain**
  - Tengku Makmur melemparkan wang sebanyak RM500 ke atas katil sebagai membayar upah penyamaran Azfa Hanani.
- iv) **Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan.**
  - Azfa Hanani sanggup membantu Tengku Ellina dengan menggantikannya sebagai Pengerusi Forum Remaja kerana Tengku Ellina sibuk menguruskan Hari Sumbangsih.
- v) **Kita hendaklah menjaga maruah diri kita.**
  - Azfa Hanani menolak pelawaan Iskandar yang ingin menghantarnya pulang kerana tidak mengenali pemuda itu.
- vi) **Kita hendaklah taat akan perintah agama.**
  - Azfa Hanani sentiasa mendirikan sembahyang dan pada setiap malam Jumaat dia akan membaca Yassin untuk arwah ibu dan ayahnya.
- vii) **Kita hendaklah menunaikan janji yang telah kita lafazkan.**
  - Abang Mazran telah membiayai kos perubatan Zuraini di Indonesia sebagai menunaikan janji sekiranya Azfa Hanani sanggup menyamar sebagai Tengku Murni.
- viii) **Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain.**
  - Azfa Hanani sanggup memaafkan Datin Maziah yang telah menamparnya dan menghalaunya keluar dari rumah.
- ix) **Kita hendaklah mengenang dan menghargai jasa orang lain**

- Azfa Hanani mengucapkan terima kasih kepada pak long dan mak long yang telah memelihara dan membesarkannya dengan penuh tanggungjawab setelah kematian ibu bapanya.
- x) **Kita hendaklah mengamalkan semangat bekerjasama**
- Pelajar-pelajar Tingkatan Lima SM Taman Sari bekerjasama menjayakan Hari Sumbangsih sehingga berjaya mengumpul dana berjumlah RM16000.
- xi) **Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita**
- Datin Maziah menyayangi anak perempuan tunggalnya sehingga sanggup menghadiahkan sebuah jip sempena hari jadinya.

### Novel Kembara Amira

- i) **Kita hendaklah mengamalkan semangat bekerjasama**
- Sepasukan pelajar universiti dengan diketuai oleh Prof Zaidah dan Dr Zawawi bekerjasama membuat kajian arkeologi di Desa Karpus.
  - Itai dan Tau serta seluruh penghuni Desa Karpus bekerjasama mencari Jacinta yang sesat di dalam hutan ketika dia berusaha menyelamatkan Amira yang lemas di sungai
  - Itai, Amira dan Jacinta dengan dibantu oleh Pak Lias dan Roslan bekerjasama mencari Malique yang hilang di Gunung Gua Gajah.
- ii) **Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita.**
- Prof Zaidah amat menyayangi anak perempuannya Amira dengan sentiasa mengambil berat akan keselamatan dan kebajikan Amira.
- iii) **Kita hendaklah menjalin persahabatan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama.**
- Amira bersahabat baik dengan Jacinta walaupun mereka berlainan bangsa dan agama.
- iv) **Kita hendaklah mengamalkan semangat setia kawan.**
- Amira mengajak Jacinta menghabiskan cuti persekolahan bersamanya di Desa Karpus kerana ingin menghiburkan hati Jacinta yang mempunyai masalah dengan bapanya.
- v) **Kita hendaklah memelihara dan menghargai alam sekitar yang dianugerahkan oleh Tuhan**
- Tau sanggup menyamar sebagai makhluk berbulu untuk menakutkan orang ramai demi memelihara belantara tempat tinggal mereka daripada diceroboh oleh pencari emas.
- vi) **Kita hendaklah membantu orang lain yang ditimpa kesusahan / bencana**
- Tau dan Itai membantu menyelamatkan Amira yang lemas di dalam sungai.

vii) **Kita hendaklah memanfaatkan cuti sekolah dengan sebaik mungkin.**

- Amira dan Jacinta menghabiskan cuti persekolahan mereka dengan menyertai pasukan pelajar universiti dengan diketuai oleh Prof Zaidah menjalankan aktiviti cari gali bahan arkeologi.

viii) **Kita hendaklah memanfaatkan teknologi moden dalam kehidupan seharian.**

- Amira membantu ibunya Prof Zaidah mengemas kini e-mel dengan memasukkan penemuan-penemuan arkeologi yang baru agar dapat dikongsi oleh rakan-rakan ibunya di luar negara.

ix) **Kita hendaklah tegas mempertahankan pendirian.**

- Profesor Zaidah tetap bertegas dengan pendiriannya untuk meneruskan kerja-kerja cari gali artifak walaupun Dr Zawawi mencadangkan aktiviti itu ditangguhkan.

x) **Kita hendaklah menyedari kepentingan menuntut ilmu.**

- Itai berjaya melanjutkan pelajarannya ke peringkat universiti dalam bidang perubatan walaupun dia anak Orang Asli.

xi) **Kita tidak sepatutnya mempunyai tanggapan negatif terhadap orang luar**

- Masyarakat Orang Asli Semai memulaukan Ipah (Samantha) kerana dia berkulit cerah, bermata biru dan berambut perang.

xii) **Kita tidak sepatutnya mengabaikan tanggungjawab kita terhadap anak dan suami.**

- Ipah lari dari perkampungan Orang Asli mengikut Johny dengan meninggalkan suami dan anak kedua mereka yang masih kecil.

xiii) **Kita hendaklah memanfaatkan khazanah hutan.**

- Ludin mengubati tangan Profesor Zaidah yang retak menggunakan ramuan daun-daun herba yang diambil dari hutan.